



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

POLYCCSkills 2025 PLATFORM BINA KEYAKINAN DIRI PELAJAR UNTUK TERUS BERINOVASI DAN BERDAYA SAING DALAM BIDANG YANG DICEBURI

Jitra, 11 September 2025 - Penganjuran Pertandingan Kemahiran Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCCSkills) bukanlah sekadar sebuah acara pertandingan tahunan. Ia adalah satu simbol transformasi dan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam melonjakkan latihan kemahiran pelajar ke aras yang lebih cemerlang.

Demikian ucapan oleh Dr. Shamsuri Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan POLYCCSkills bagi mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) yang juga merupakan tuan rumah bagi penganjuran edisi kali ini.

Platform perkongsian ilmu dan pengendalian pertandingan kemahiran ini berjaya memupuk usaha serta menarik minat para pelajar untuk lebih berkeyakinan dan menghargai bidang kemahiran yang diceburi.

POLYCCSkills 2025 yang berlangsung mulai 8 September 2025 ini telah mengetengahkan sebanyak 41 bidang kemahiran untuk dipertandingkan dan telah berjaya meraih lebih 700 peserta daripada kalangan warga POLYCC. Hal ini jelas membuktikan komitmen JPPKK untuk menjadi pemangkin kepada pengukuhan ekosistem TVET negara dapat direalisasikan.

Turut berlangsung adalah sesi penyampaian pingat POLYCCSkills melibatkan tiga kategori utama iaitu; Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial & Perkhidmatan.

Majlis turut menobatkan tiga orang pelajar terbaik dalam anugerah utama iaitu Anugerah Jari Emas yang dimenangi oleh Nurul Atika Shira Masiran dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Anugerah Minda Emas pula disandang oleh Mohamad Haris Ikhwan Muhamat Zawal dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dan Anugerah Tangan Emas pula dijulang oleh Muhammad Adam Haqimi Othman dari Kolej Komuniti Bandar Baharu yang disampaikan oleh Dr. Shamsuri Abdullah.

Hadir sama ialah Haji Azirin Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK, Dr. Zamzam Mohd Walid, Pengarah Bahagian Kurikulum, JPPKK, Dr. Mhd Azmin Mat Seman, Timbalan Pengarah (Akademik) dan menjalankan tugas Pengarah POLIMAS serta Pengarah-pengarah POLYCC.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
11 September 2025**

LAMPIRAN BERGAMBAR

